

Banjir kilat landa Alor Gajah

ALOR GAJAH 30 Mac - Banjir kilat selama lebih dua jam di daerah ini hari ini menyebabkan beberapa kawasan di sini antaranya Taman Awan Biru, Rembia terjejas.

Menurut seorang penduduk, Zaleha Zainal, 36, dia yang berada di pejabatnya di Ibu pejabat Polis Kontinjen negeri dimaklumkan mengenai kejadian itu oleh jirannya menerusi kiriman aplikasi *WhatsApp* kira-kira pukul 10 pagi.

"Perkara pertama yang terlintas di fikiran saya sebaik sahaja menerima berita itu ialah keselamatan ibu saya, Kamisah Md. Yusof, 57, yang menghidap angin ahmar dan seorang diri di rumah.

"Mujur jiran-jiran telah membawanya keluar. Walaupun terpaksa membersihkan rumah yang dipenuhi lumpur, saya rasa bersyukur kerana ibu selamat," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Ujar Zaleha, kali terakhir kawasan rumahnya dilanda banjir ialah pada tahun 2008 ekoran projek parit besar yang dibina berhampiran kawasan perumahan mereka.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Shahrizal Md. Sani, 34, memberitahu, dia mendapat



WANITA ini sambil mendukung anaknya meredah banjir untuk ke pusat pemindahan di Taman Awan Biru, Sungai Petai, Alor Gajah, Melaka, semalam. - UTUSAN/MOHD AZIM ABD RAHMAN

panggilan daripada isterinya memaklumkan tempat tinggal mereka dinaiki air kira-kira 0.6 meter.

Katanya, rumah mereka dipenuhi lumpur selain perkakas dapur dan beberapa perabot dalam rumah rosak.

Dalam pada itu, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) yang juga Sekretariat Jawatankuasa Pengurus Bencana Negeri, Leftenan Kolonel Effendy

Ali memaklumkan, sebanyak 54 orang daripada 15 keluarga dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Sungai Petai termasuk warga emas dan empat bayi setakat pukul 2 petang.

Bagaimanapun menurutnya, sebuah pusat pemindahan bencana yang dibuka di Balai Raya Kampung Sri Tanjung, Masjid Tanah di sini telah ditutup kira-kira pukul 1 petang.